

Keikhlasan Tan Cheng Lock bina Negara

WILAYAHKU

27 January 2020

Azlan Zambry

ERA Tanah Melayu masih dijajah telah menguji kesetiaan setiap kaum yang menumpang berteduh di bumi berdaulat ini.

Kesemua kaum mengakui bahawa melalui penyatuan bangsa dan etnik, maka pasti akan melahirkan sebuah negara yang merdeka.

Kesungguhan Tunku Abdul Rahman dan delegasinya memartabatkan kemerdekaan membuka mata tokoh Tionghua ini yang berasal dari Melaka untuk mengeratkan kesatuan dalam memberikan nafas baharu kepada negara bangsa yang baru diwujudkan ini.

Tun Tan Cheng Lock memainkan peranan yang amat signifikan dalam menyatupadukan seluruh kaum Tionghua ketika itu untuk bersatu di dalam sebuah perikatan bersama-sama dengan Perdana Menteri pertama ketika itu.

Di atas sumbangan yang besar dalam mempromosikan perpaduan antara kaum, sebuah Memorial Tun Tan Cheng Lock dibuka bagi mengabadikan usaha kerasnya dalam memupuk persaudaraan dalam kalangan rakyat di Malaya ketika itu.

Apabila menjengah ke memorial ini, sebuah potret mendiang Cheng Lock yang memaparkan raut wajah yang serius menyambut kedatangan anda dan menjadikan antara tokoh terpenting yang perlu untuk digali sejarahnya.

Di sebuah sudut, dipaparkan garis masa pembabitan mendiang yang memulakan kerjaya sebagai seorang guru Bahasa Inggeris dari tahun 1902 hingga 1908 di Raffles Institution dan sehinggalah beliau mengasaskan Persatuan Cina Malaysia (MCA) pada 1949 ketika berumur 66 tahun.

Walaupun tidak pernah menjawat jawatan sebagai menteri di peringkat kerajaan Persekutuan, tokoh ini memainkan peranan yang amat penting dalam memartabatkan pendidikan kaum Cina, peluang ekonomi dan sistem perkahwinan masyarakat itu.

Selain itu, antara kehebatan yang dirakam dalam sejarah apabila beliau turut mewakili kerajaan dalam perundingan damai yang dikenali sebagai Rundingan Baling pada tahun 1955. Rundingan tersebut diketuai Tunku Abdul Rahman yang ketika sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu manakala Parti Komunis Malaysia (PKM) diwakili Setiausaha Agungnya, Chin Peng.

Rundingan tersebut diadakan setelah Chin Peng mengutuskan surat kepada Tunku Abdul Rahman.

Namun rundingan itu menemui kegagalan dan penglibatan Cheng Lock ketika itu adalah untuk menghapuskan pengaruh komunis dalam kalangan masyarakat cina.

Dalam rundingan tersebut, Cheng Lock telah menasihati Chin Peng dengan menyatakan; "Jika seseorang itu hendak tinggal di Malaya, beliau hendaklah memikul tanggungjawab dan menjalankan tugas sebagai warganegara yang baik."

Sebuah diorama turut ditempatkan di satu sudut untuk orang ramai dapat melihat dengan sisi yang lebih jelas mengenai peristiwa bersejarah itu selain dapat melihat dengan lebih dekat sumbangan mendiang Cheng Lock dalam membawa keharmonian di Malaya ketika itu.

Di dalam memorial tersebut turut dipaparkan, koleksi-koleksi peribadi milik mendiang Cheng Lock seperti satu set lengkap long suit dan kasut serta beberapa helai tali leher kepunyaannya.

Turut dipaparkan adalah songkok, beberapa batang tongkat dan koleksi peribadi berupa paip, pemetik api dan lain-lain.

Turut dipaparkan sebuah diorama bilik bacaan miliknya dan beberapa potret yang memaparkan bahawa beliau seorang pemimpin yang serius dan kuat bekerja demi kestabilan Malaya ketika itu.

Di satu sudut, dipaparkan perjalanan terakhir Cheng Lock. Tunku Abdul Rahman dan timbalannya, Tun Abdul Razak turut menyertai orang ramai memberikan penghormatan terakhir kepada mendiang sebelum disemadikan.

© 2020 Wilayahku. All rights reserved. Designed by FlatNews

Source: <https://www.wilayahku.com.my/keikhlasan-tan-cheng-lock-bina-negara/>